

## **KPTM**

Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) merupakan institusi pendidikan tinggi swasta yang dimiliki sepenuhnya oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA). KPTM menawarkan pelbagai peluang pendidikan di dalam bidang teknologi maklumat, sains komputer, perakaunan, pengurusan perniagaan, sains, kejuruteraan dan sains kesihatan.

## **VISI**

Menjadi Institusi Pendidikan Tinggi Bereputasi Cemerlang

## **MISI**

1. Memupuk kecemerlangan akademik dan keusahawanan ke arah mencapai potensi individu yang optimum
2. Menerajui pendidikan holistik melalui penerimaan dan pengiktirafan global

## **NILAI BERSAMA**

1. DIYAKINI
2. BERDAYA TAHAN
3. DIBERKATI

## **MOTO**

A Centre of Learning, Centred on You

## Isi kandungan

1.	Kata Aluan daripada Ketua Pegawai Eksekutif KPTM	3
2.	Kata Aluan daripada Pengarah	4
3.	Kata Aluan daripada Dekan	5
4.	Sejarah Ringkas Program	6
5.	Maklumat Program	7
6.	Perancangan Akademik	9
7.	Peraturan Akademik	10
8.	Struktur Program	11
9.	Maklumat Kursus	17
10.	Ahli Pengurusan Tertinggi KPTM	27
11.	Ahli Pengurusan KPTM Kota Bharu	28
12.	Peluang Pengajian	30

## **KATA ALUAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KPTM**

Assalamualaikum W.B.T, Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia

Selamat datang ke Kolej Poly-Tech MARA.

Sekalung tahniah saya ucapkan kepada anda kerana telah berjaya melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi di KPTM.

Untuk memastikan bahawa semua pelajar kita memenuhi matlamat pendidikan mereka, kami berusaha untuk menyediakan suasana pembelajaran yang kondusif dan kemudahan pembelajaran yang berkesan.

Kami mempunyai pensyarah yang berpengalaman yang boleh memberi bimbingan dan motivasi kepada pelajar untuk mencapai matlamat hidup mereka. Pensyarah kami amat komited dalam memastikan pelajar-pelajar mereka menamatkan pengajian mereka pada masa yang ditetapkan dan mampu untuk mendapatkan pekerjaan yang tepat dalam tempoh masa yang singkat selepas itu. Kami juga berasa bangga kerana pensyarah kami bukan sahaja merupakan tempat rujukan dalam bidang akademik tetapi juga penasihat dan mentor terbaik untuk pelajar.

Adalah diharapkan bahawa buku ini akan berfungsi sebagai rujukan yang berguna untuk spesifikasi dan garis panduan kepada pelajar untuk program yang dipilih.

Semoga anda mendapat semua yang terbaik dalam pengajian anda di KPTM.

Sekian terima kasih .

**Ketua Pegawai Eksekutif  
Kolej Poly-Tech MARA**

## **KATA ALUAN PENGARAH**

Assalamualaikum w.b.t

Alhamdulillah, saya panjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya dapatlah saya merakamkan sepatah dua kata aluan di dalam Buku Panduan Program Diploma Kejururawatan KPTM Kampus Cawangan Kota Bharu ini.

Saya mengucapkan selamat datang dan mengaluakan kehadiran pelajar ke Kolej Poly-Tech MARA Kampus Cawangan Kota Bharu. KPTM beriltizam untuk menjadi Institusi Pengajian Tinggi Swasta yang berpandangan jauh. Kolej ini bermatlamat mewujudkan persekitaran yang selesa bagi perolehan dan penyebaran ilmu, serta membekalkan pendidikan berkualiti demi pembangunan individu dan profesionalisme. Pendekatan KPTM menuju ke arah memenuhi permintaan masyarakat dan pasaran, serta menyediakan pelajar untuk bersaing ke dalam persekitaran masa depan yang berasaskan pengetahuan.

Tentunya kehidupan di kolej bukan semata-mata untuk mengejar ilmu sahaja. Saya berharap pelajar akan mengambil manfaat dalam tempoh yang singkat semasa berada di KPTM.

Akhir kata saya doakan semoga pelajar semua akan dilorongkan Allah S.W.T ke jalan kejayaan.

**Pengarah**  
**Kolej Poly-Tech MARA**  
**Kampus Cawangan Kota Bharu**

## **KATA ALUAN DARIPADA DEKAN FAKULTI BIO-INDUSTRI DAN SAINS KESIHATAN**

Assalamualaikum W.B.T.

Saya mengucapkan selamat datang dan mengalu-alukan kehadiran pelajar ke Kolej Poly-Tech MARA Kampus Cawangan Kota Bharu. Kolej ini bermatlamat mewujudkan persekitaran yang selesa bagi perolehan dan penyebaran ilmu, serta memberikan pendidikan berkualiti demi pembangunan individu dan profesionalisme.

Harapan dan aspirasi negara pada alaf baru ini adalah untuk melahirkan generasi yang bukan sahaja berpengetahuan, malah mampu menghadapi persekitaran yang kompetitif dan global serta mempunyai kekuatan dalaman. Profesion kejururawatan tidak ketinggalan untuk menghadapi arus global ini. Justeru, saya mengharapkan pelajar akan bersedia menyahut cabaran ini bagi mencapai impian menjadi seorang jururawat yang berketrampilan tinggi, beretika dan profesional.

Tentunya kehidupan pelajar di kolej bukan semata-mata untuk mengejar ilmu sahaja. Saya berharap pelajar akan mengambil manfaat dalam tempoh pembelajaran yang singkat semasa berada di KPTM ini untuk mencapai kecemerlangan sepanjang hayat .

Akhir kata saya doakan semoga pelajar semua akan dilorongkan Allah S.W.T ke jalan kejayaan.

**Dekan, Fakulti Bio-industri dan Sains Kesihatan  
Kolej Poly-Tech MARA  
Kampus Cawangan Kota Bharu**

## SEJARAH RINGKAS PROGRAM

Program Diploma Kejururawatan KPTM telah dimulakan pada bulan Mac 2006 dengan pengambilan kumpulan pertama seramai 150 pelajar. Kurikulum Diploma Kejururawatan KPTM telah mendapat kelulusan daripada Lembaga Jururawat Malaysia dan *Malaysian Qualifications Agency* (MQA).

Program ini bertujuan untuk melahirkan jururawat yang berfikiran kritikal, kompeten serta mempunyai kemahiran insaniah semasa memberi perawatan kepada pesakit dan berupaya berkhidmat di hospital, klinik, agensi kesihatan, rumah jagaan dan juga kesihatan industri.

Pelajar diberi pengetahuan teori berkaitan penyakit dan pengurusan perawatan pesakit.

Selain dari pengetahuan teori, pelajar akan menjalani amali di dalam makmal kemahiran kejururawatan untuk memahirkan diri dengan prosedur-prosedur perawatan.

Pelajar juga akan menjalani latihan praktikum di hospital-hospital dan klinik-klinik kesihatan di bawah seliaan penolong pensyarah/ *Clinical Instructors* pada semester-semester praktikum.

## MAKLUMAT PROGRAM

1. **Nama Program** : Diploma Kejururawatan
2. **Kod Program** : DN101
3. **Tempoh** : 3 tahun
4. **Jumlah jam kredit** : 106 jam kredit
5. **Bahasa Pengantar** : Bahasa Melayu/ Bahasa Inggeris
6. **Kelayakan masuk** :

Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan 5 kredit termasuk Bahasa Melayu, Matematik dan salah satu daripada berikut: Sains/Biologi/ Kimia/ Fizik serta 2 kredit bagi subjek yang lain serta lulus Bahasa Inggeris

7. **Deskripsi Program** :

Program Diploma Kejururawatan yang ditawarkan oleh KPTM dijalankan secara sepenuh masa dan mengambil tempoh masa 3 tahun (9 semester). Program ini memberi pendedahan perawatan sebenar pesakit kepada pelajar sepanjang pembelajaran ini. Pendedahan perawatan sebenar kepada pesakit di hospital atau klinik-klinik dirancang mengikut keperluan pembelajaran. Pelajar-pelajar akan ditempatkan di unit-unit yang ditetapkan berdasarkan keperluan kursus-kursus yang telah dipelajari.

8. **Program Educational Objectives (PEO):**

Program Diploma Kejururawatan ini akan melahirkan jururawat yang:

- PEO1 Berpengetahuan dan mahir dalam bidang kejururawatan selaras dengan keperluan kesihatan semasa
- PEO2 Berkomunikasi secara berkesan dan menunjukkan kualiti kepimpinan dan pengurusan yang baik di dalam sesebuah organisasi kesihatan
- PEO3 Berkebolehan menyelesaikan masalah perawatan secara berkesan dan beretika melalui pendekatan saintifik
- PEO4 Menyedari keperluan pembelajaran sepanjang hayat untuk pembangunan kerjaya

## 9. Program Learning Outcomes (PLO):

Di akhir program, pelajar akan dapat:

- PLO1 Mengaplikasikan pengetahuan sains kejururawatan, sains kesihatan dan sains tingkahlaku dalam bidang kejururawatan untuk meningkatkan tahap kesihatan pesakit dan komuniti.
- PLO2 Mengaplikasi kaedah penyelesaian masalah dan kemahiran membuat keputusan dalam memberi penjagaan kesihatan di hospital dan komuniti
- PLO3 Menunjukkan kemahiran yang kompeten dan selamat semasa memberi perawatan menggunakan proses kejururawatan dan amalan berasaskan bukti
- PLO4 Mempamerkan kemahiran interpersonal dan budaya kerja berpasukan yang efektif dan beretika dalam melaksanakan tanggungjawab sosial
- PLO5 Berkomunikasi secara berkesan dalam bentuk verbal dan non-verbal di antara klien, anggota kesihatan dan komuniti.
- PLO6 Menunjukkan keupayaan menggunakan teknologi digital dan aplikasi media di dalam pengurusan maklumat, pembelajaran dan penyelesaian masalah.
- PLO7 Menunjukkan kemahiran numerikal dan grafik dalam dokumentasi kejururawatan dan pembelajaran.
- PLO8 Menunjukkan kemahiran kepimpinan yang berkesan dan bekerjasama dengan rakan sekerja, anggota kesihatan lain serta agensi berkaitan dalam memberi perawatan.
- PLO9 Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran profesional dalam bidang kejururawatan melalui pembelajaran sepanjang hayat.
- PLO10 Mengaplikasikan pengetahuan berkaitan pengurusan dan kemahiran keusahawanan dalam kejururawatan
- PLO11 Menunjukkan sikap profesional dan beretika dalam memberi perawatan mengikut *Code Of Professional Conduct* sebagai jururawat Malaysia.

## 10. Peluang Kerjaya :

Pelajar yang telah tamat Diploma Kejururawatan KPTM dan lulus peperiksaan Lembaga Jururawat Malaysia (LJM) berpeluang untuk bekerja sebagai Jururawat Terlatih di hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), hospital Kementerian Pertahanan Malaysia (KPM), hospital IPTA (HUSM, HUKM, UITM dan PPUM), hospital-hospital swasta, klinik kesihatan IPTA, klinik swasta, rumah jagaan perawatan (*nursing homes*) dan rawatan ke rumah (*home nursing*). Pelajar juga berpeluang untuk melanjutkan pengajian di peringkat yang lebih tinggi seperti pengkhususan bidang, ijazah, sarjana dan doktor falsafah dalam kejururawatan.

## 11. Badan Penganugerahan : Kolej Poly-Tech MARA Kota Bharu



**PERANCANGAN AKADEMIK**

<b>AKTIVITI SEMESTER KULIAH</b>	<b>HARI / MINGGU</b>
Pendaftaran (Pelajar Baharu& Lama)	1 Hari
Induksi (Pelajar Baharu sahaja)	2 – 4 Hari
Kuliah (Pada semester teori sahaja)	14 Minggu
Penempatan Praktis Klinikal	12– 14 Minggu
Minggu Ulangkaji (Pada semester teori sahaja)	1 Minggu
Peperiksaan Akhir	1 Minggu
Cuti Semester	2 Minggu

Nota: Kalendar yang sebenar akan diagihkan semasa pendaftaran.

**Kalendar Akademik KPTM mempunyai ciri berikut:**

- Penggantian kelas akan dilakukan sekiranya kelas jatuh pada hari cuti umum.
- Pihak kolej berhak membuat sebarang perubahan kepada kalender akademik apabila perlu. Pelajar dinasihatkan supaya peka kepada perubahan pada setiap masa.

---

## PERATURAN AKADEMIK

---

- Semua pelajar adalah tertakluk kepada Peraturan Akademik seperti yang terkandung di dalam **Buku Peraturan Akademik Kolej Poly-Tech MARA PINDAAN 2017**. Buku peraturan akademik ini boleh dicapai oleh setiap pelajar di laman *web* rasmi kolej.
- Semua pelajar KPTM yang mengikuti program akademik dengan kerjasama institusi-institusi tempatan atau luar negara juga tertakluk kepada kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan institusi tersebut. Salinan buku peraturan akan diberikan kepada pelajar-pelajar program masing-masing semasa Taklimat Akademik dalam tempoh Minggu Induksi.

**STRUKTUR PROGRAM – (DIPLOMA KEJURURAWATAN)**

NO	KOD KURSUS	NAMA KURSUS	STATUS	JAM KREDIT	Student Learning Time (SLT)	Contact Hours				PRA-SYARAT	PENILAIAN	
						L	T	P	O		KERJA KURSUS	AKHIR
											%	%
<b>SEMESTER 1 / TAHUN 1</b>												
1	BHS1013	Anatomi dan Fisiologi I	Teras Disiplin	3	120	26	0	10	0	Tiada	40	60
2	BHS1032	Nutrisi dan Kesihatan	Teras Disiplin	2	80	21	0	0	0	Tiada	40	60
3	BNS1012	Asas Kejururawatan I	Teras Disiplin	2	80	20	0	12	0	Tiada	40	60
4	BNS1023	Asas Kejururawatan II	Teras Disiplin	3	120	28	0	24	0	Tiada	40	60
5	BBS1012	Psikologi dalam Kejururawatan	Teras Disiplin	2	80	24	0	0	4	Tiada	50	50
6	MPU2163	Pengajian Malaysia 2	Wajib MQA	3	120	23	0	0	21	Tiada	70	30
<b>JUMLAH</b>				<b>15</b>	<b>600</b>							

NO	KOD KURSUS	NAMA KURSUS	STATUS	JAM KREDIT	Student Learning Time (SLT)	Contact Hours				PRA-SYARAT	PENILAIAN	
						L	T	P	O		KERJA KURSUS	AKHIR
<b>SEMESTER 2 / TAHUN 1</b>												
1	BHS1023	Anatomi dan Fisiologi II	Teras Disiplin	3	120	35	0	12	0	Tiada	40	60
2	BHS1042	Mikrobiologi dan Penyakit Berjangkit	Teras Disiplin	2	80	20	0	0	0	Tiada	40	60
3	BNS1033	Asas Kejururawatan III	Teras Disiplin	3	120	33	0	22	0	Tiada	40	60
4	BNS1053	Kejururawatan Kardiovaskular dan Hemopoitik	Teras Disiplin	3	120	34	0	8	3	Tiada	40	60
5	BNS1042	Kejururawatan Respiratori	Teras Disiplin	2	80	23	0	14	0	Tiada	40	60
6	BBS1022	Komunikasi dan Perhubungan Interpersonal dalam Kejururawatan	Teras Disiplin	2	80	18	0	0	8	Tiada	40	60
7	BHS1052	Farmakologi	Teras Disiplin	2	80	20	0	0	0	Tiada	40	60
<b>JUMLAH</b>				<b>17</b>	<b>680</b>							
NO	KOD KURSUS	NAMA KURSUS	STATUS	JAM KREDIT	Student Learning Time (SLT)	Contact Hours				PRA-SYARAT	PENILAIAN	
						L	T	P	O		KERJA KURSUS	AKHIR
<b>SEMESTER 3 / TAHUN 1</b>												
1	BNS1066	Praktis Kejururawatan Klinikal 1	Teras Disiplin	6	480	0	0	0	480	Tiada	40	60
<b>JUMLAH</b>				<b>6</b>	<b>480</b>							

NO	KOD KURSUS	NAMA KURSUS	STATUS	JAM KREDIT	Student Learning Time (SLT)	Contact Hours				PRA-SYARAT	PENILAIAN	
						L	T	P	O		KERJA KURSUS	AKHIR
											%	%
<b>SEMESTER 4 / TAHUN 2</b>												
1	MPU2313	Pengajian Islam	Wajib MQA	3	137	42	0	0	0	Tiada	70	30
	MPU2333	Etika dan Nilai			135	30	0	0	9	Tiada	60	40
2	BBS2032	Etika Dan Perundangan Dalam Kejururawatan	Teras Disiplin	2	80	21	0	0	8	Tiada	50	50
3	HEN1033	English for Nursing	Wajib IPT	3	120	17	10	0	13	Tiada	60	40
4	BNS2072	Kejururawatan Gastrointestinal	Teras Disiplin	2	80	24	0	10	0	Tiada	40	60
5	BNS2082	Kejururawatan Endokrin&Hepatobiliari	Teras Disiplin	2	80	24	0	8	0	Tiada	40	60
6	BNS2092	Kejururawatan Genitourinari	Teras Disiplin	2	80	26	0	10	0	Tiada	40	60
7	BNS2012	Kejururawatan Muskuloskeletal dan Integumentari	Teras Disiplin	2	80	22	0	8	2	Tiada	40	60
<b>JUMLAH</b>				<b>16</b>	<b>655</b>							

NO	KOD KURSUS	NAMA KURSUS	STATUS	JAM KREDIT	Student Learning Time (SLT)	Contact Hours				PRA-SYARAT	PENILAIAN	
						L	T	P	O		KERJA KURSUS	AKHIR
											%	%
<b>SEMESTER 5 / TAHUN 2</b>												
1	BNS2166	Praktis Kejururawatan Klinikal 2	Teras Disiplin	6	480	0	0	0	480	Tiada	40	60
<b>JUMLAH</b>				<b>6</b>	<b>480</b>							

NO	KOD KURSUS	NAMA KURSUS	STATUS	JAM KREDIT	Student Learning Time (SLT)	Contact Hours				PRA-SYARAT	PENILAIAN	
						L	T	P	O		KERJA KURSUS	AKHIR
											%	%
<b>SEMESTER 6 / TAHUN 2</b>												
1	MPU2263	Asas Keusahawanan 1	Wajib MQA	3	122	22	0	0	18	Tiada	70	30
2	BNS2113	Kejururawatan Obstetrik	Teras Disiplin	3	120	42	0	12	0	Tiada	40	60
3	BNS2122	Kejururawatan Ginekologi	Teras Disiplin	2	80	27	0	6	0	Tiada	40	60
4	BNS2133	Kejururawatan Komuniti	Teras Disiplin	3	120	36	0	20	0	Tiada	40	60
5	BNS2143	Kejururawatan Pediatrik	Teras Disiplin	3	120	43	0	12	0	Tiada	40	60
6	BNS2152	Kejururawatan Mental Dan Psikiatri	Teras Disiplin	2	80	25	0	0	8	Tiada	40	60
<b>JUMLAH</b>				<b>16</b>	<b>642</b>							

NO	KOD KURSUS	NAMA KURSUS	STATUS	JAM KREDIT	Student Learning Time (SLT)	Contact Hours				PRA-SYARAT	PENILAIAN	
						L	T	P	O		KERJA KURSUS	AKHIR
											%	%
<b>SEMESTER 7 / TAHUN 3</b>												
1	BNS3217	Praktis Kejururawatan Klinikal 3	Teras Disiplin	7	560	0	0	0	560	Tiada	40	60
<b>JUMLAH</b>				<b>7</b>	<b>560</b>							

NO	KOD KURSUS	NAMA KURSUS	STATUS	JAM KREDIT	Student Learning Time (SLT)	Contact Hours				PRA-SYARAT	PENILAIAN	
						L	T	P	O		KERJA KURSUS	AKHIR
											%	%
<b>SEMESTER 8 / TAHUN 3</b>												
1	MPU2412	Khidmat Masyarakat 1	Wajib MQA	2	80	8	0	10	10	Tiada	90	10
	MPU2422	Pengurusan Masjid			80	8	0	10	10	Tiada	90	10
2	BNS3173	Kejururawatan Neurologi dan Sensori	Teras Disiplin	3	120	34	0	10	2	Tiada	40	60
3	BNS3182	Kejururawatan Kecemasan dan Kritikal	Teras Disiplin	2	80	22	0	10	0	Tiada	40	60
4	BNS3192	Pengurusan Dalam Kejururawatan	Teras Disiplin	2	80	22	0	0	6	Tiada	40	60
5	BNS3203	Jagaan Klien Dengan Keperluan Khas	Teras Disiplin	3	120	25	0	0	5	Tiada	40	60
6	BBS3042	Sosiologi Dan Antropologi Kesihatan Dalam Kejururawatan	Teras Disiplin	2	80	26	0	0	1	Tiada	50	50
7	BBS3052	Penyelidikan Dan Statistik Asas Dalam Kejururawatan	Teras Disiplin	2	80	23	0	0	5	Tiada	70	30
<b>JUMLAH</b>				<b>16</b>	<b>640</b>							

NO	KOD KURSUS	NAMA KURSUS	STATUS	JAM KREDIT	Student Learning Time (SLT)	Contact Hours				PRA-SYARAT	PENILAIAN	
						L	T	P	O		KERJAS	AKHIR
											%	%
<b>SEMESTER 9 / TAHUN 3</b>												
1	BNS3227	Praktis Kejururawatan Klinikal 4	Teras Disiplin	7	560	0	0	0	560	Tiada	40	60
<b>JUMLAH</b>				<b>7</b>	<b>560</b>							
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>				<b>106</b>	<b>***5299</b>							

\* Kiraan jam kredit teori adalah berdasarkan 1 jam kredit: 40 notional hour (GGP, MQA:2011)

\*\* Kiraan jam kredit klinikal adalah 1 jam kredit : 2 minggu klinikal (40 jam/minggu) (SOP LJM:2018)

\*\*\* TIDAK Termasuk dua subjek dalam komponen sama iaitu

i. Etika & Moral (135j)

ii. Pengurusan Masjid (80 j)



**MAKLUMAT KURSUS**

**TAHUN 1  
SEMESTER 1**

**BHS1013: Anatomi dan Fisiologi I**  
**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini merangkumi tajuk yang berkaitan dengan biokimia asas dan sistem tubuh manusia termasuk anatomi dan fisiologi sistem integumen, sistem saraf, sistem deria khusus, sistem respiratori, sistem kardiovaskular serta sistem hematologi.

**BHS1032: Nutrisi dan Kesihatan**  
**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini merangkumi tajuk berkaitan pemakanan dari aspek pengambilan nutrisi manusia dari sejak lahir hingga ke peringkat warga tua serta penyakit kronik.

**BNS1012: Asas Kejururawatan I**  
**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini menyediakan pelajar dengan pengetahuan tentang sejarah dan praktis kejururawatan kontemporari serta proses kejururawatan dalam memberi perawatan kepada pesakit. Ia juga ditawarkan bagi melengkapkan graduan dengan ilmu pengetahuan berkaitan dengan pengurusan perawatan pesakit dalam jagaan luka dan kawalan jangkitan. Kursus ini bertujuan untuk mempersiapkan pelajar dengan sikap profesional dan beretika dalam profesyen kejururawatan.

**BNS1023: Asas Kejururawatan II**  
**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini memberi pengetahuan asas untuk membantu memenuhi keperluan asas pesakit dan melakukan pemeriksaan tanda vital kepada pesakit. Pelajar juga diberi kemahiran tentang penjagaan pesakit dengan gangguan aktiviti hidup seharian. Dengan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari dalam kursus ini membolehkan pelajar melakukan perawatan mengikut amalan kejururawatan yang betul.

**BBS1012: Psikologi dalam Kejururawatan**

**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini mendedahkan kepada pelajar tentang konsep dan teori psikologi, teori perkembangan manusia, konsep psikologi sosial dan aplikasi psikologi dalam kejururawatan. Ia bertujuan untuk pelajar menguasai pengetahuan tentang asas psikologi selari dengan keperluan dari aspek kejururawatan

**MPU2163 Pengajian Malaysia 2**

**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini menghuraikan tentang warganegara Malaysia yang berwawasan dan mampu menghadapi cabaran ke arah mencapai kesejahteraan hidup serta dapat menghayati peranan Malaysia di peringkat antarabangsa. Kursus ini memberi pengahayatan tentang sejarah dan politik, perlembagaan Malaysia, kemasyarakatan dan perpaduan, pembangunan negara dan isu-isu keprihatinan negara juga mendedahkan tentang kepentingan organisasi MARA dalam pembangunan negara.

**TAHUN 1  
SEMESTER 2**

**BHS1023: Anatomi dan Fisiologi II**

**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini merangkumi tajuk yang berkaitan dengan sistem tubuh manusia termasuk sistem muskuloskeletal, sistem urinari, sistem gastrointestinal, sistem reproduktif, sistem endokrin, sistem limfatik dan genetik asas

**BHS1042: Mikrobiologi dan Penyakit Berjangkit**

**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini merangkumi tajuk tentang prinsip asas mikrobiologi iaitu bakteria, virus, parasit, fungus serta flora normal, imuniti, rantai infeksi, penyakit berjangkit, dan standard precaution.

**BNS1033: Asas Kejururawatan III**

**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini memberi pengetahuan tentang cecair dan elektrolit, menguruskan terapi intravena, kaedah mengira serta merekod carta pengambilan dan pengeluaran cecair untuk keseimbangan cecair dan elektrolit badan. Pelajar juga mendapat pengetahuan berkaitan dengan tanggungjawab jururawat dalam pemberian ubatan dan kawalan dadah berbahaya. Dengan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari dalam kursus ini membolehkan pelajar melakukan perawatan mengikut amalan kejururawatan yang betul.

**BNS1053: Kejururawatan Kardiovaskular dan Hemapoitik**

**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini merangkumi tajuk berkaitan penyakit, perawatan dan prosedur kejururawatan dalam gangguan sistem kardiovaskular dan hemapoietik.

**BHS1052: Farmakologi**

**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini merangkumi tajuk berkaitan prinsip asas farmakologi, interaksi ubatan, prinsip pemberian ubatan dan klasifikasi ubatan.

**BNS1042 Kejururawatan Respiratori**

**Prasyarat: Tiada**

Kursus ini merangkumi tajuk berkaitan penyakit, perawatan dan prosedur kejururawatan dalam gangguan sistem respiratori.

**BBS1022 : Komunikasi dan Perhubungan Interpersonal dalam Kejururawatan**

**Prasyarat: Tiada**

Kursus ini mendedahkan kepada pelajar tentang konsep asas komunikasi berkesan dengan semua klien pada semua peringkat perkembangan dalam pelbagai situasi ketika memberi perawatan. Kursus ini juga ditawarkan supaya pelajar menguasai pengetahuan tentang cara berkomunikasi dengan efektif selari dengan keperluan dari aspek kejururawatan.

**TAHUN 1  
SEMESTER 3**

**BNS1066: Praktis Kejururawatan Klinikal 1**

**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini adalah kursus praktikum dimana pelajar akan menjalani praktikum di hospital selama 12 minggu di wad medikal dan surgikal. Praktikum ini membantu pelajar untuk mengaplikasikan pengetahuan dan prosedur perawatan kejururawatan asas dan pemberian ubatan. Keutamaan ditumpukan kepada pesakit berkaitan masalah sistem sistem respiratori, kardiovaskular dan hemapoitik.

**TAHUN 2  
SEMESTER 4**

**MPU2313: Pengajian Islam**

**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini disediakan untuk melahirkan warganegara yang faham taswwur (konsep) Islam sebagai satu cara hidup yang bersepadu dan seimbang serta berupaya menghadapi pelbagai masalah dan cabaran. Perbincangan berasaskan kepada konsep-konsep asas Islam, Islam sebagai cara hidup, institusi Islam dan cabaran semasa. Pengajaran dan pembelajaran akan dilaksanakan dalam bentuk kuliah, tugasan, peperiksaan, pengalaman pembelajaran atau pembelajaran berasaskan masalah.

**ATAU**

**MPU2333: Etika Dan Nilai**

**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini disediakan untuk melahirkan warganegara yang faham taswwur (konsep) Islam sebagai satu cara hidup yang bersepadu dan seimbang serta berupaya menghadapi pelbagai masalah dan cabaran. Perbincangan berasaskan kepada konsep-konsep asas Islam, Islam sebagai cara hidup, institusi Islam dan cabaran semasa. Pengajaran dan pembelajaran akan dilaksanakan dalam bentuk kuliah, tugasan, peperiksaan, pengalaman pembelajaran atau pembelajaran berasaskan masalah. Kursus ini bertujuan untuk menerapkan nilai-nilai moral, pengertian, teori dan sistem nilai, nilai-nilai moral dalam setiap agama, nilai kebangsaan dan patriotisme, nilai-nilai korporat dan isu-isu berkaitan etika dan nilai (keganasan, perkauman, diskriminasi, seksual, gejala media sosial dan penyalahgunaan dadah).

**BBS2032: Etika Dan Perundangan Dalam Kejururawatan**

**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini merangkumi topik-topik yang berkaitan dengan isu-isu yang berlaku pada klien di persekitaran hospital, nilai moral etika dan undang-undang dalam melaksanakan perawatan, akta dan standard dalam mematuhi peraturan dan standard kerja. Kursus ini bertujuan untuk melengkapkan pelajar dengan ilmu pengetahuan berkaitan etika dan undang-undang dan aplikasi dalam perawatan selari dengan amalan kejururawatan.

**HEN1033: English For Nursing**

**Prerequisite: None**

This course is designed to enhance students' proficiency in English language. They will be assisted to improve their minimal competence of language skills by exposing them to the use of language in their real situation of life; comprises both receptive and productive skills.

**BNS2072: Kejururawatan Gastrointestinal**

**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini merangkumi tajuk berkaitan penyakit, perawatan dan prosedur kejururawatan dalam gangguan sistem gasterointestinal. Ia bertujuan untuk melengkapkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran perawatan berkaitan gangguan sistem gasterointestinal.

**BNS2082: Kejururawatan Endokrin & Hepatobiliari**

**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini merangkumi tajuk berkaitan penyakit, perawatan dan prosedur kejururawatan dalam gangguan sistem endokrin dan hepatobiliari. Ia bertujuan untuk melengkapkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran perawatan berkaitan gangguan sistem endokrin dan hepatobiliari

**BNS2092: Kejururawatan Genitourinari**

**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini merangkumi tajuk berkaitan penyakit, perawatan dan prosedur kejururawatan dalam gangguan sistem genitourinari . Ia bertujuan untuk melengkapkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran berkaitan gangguan sistem genitourinari.

**BNS2012: Kejururawatan Muskuloskeletal Dan Intergumentari**

**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini merangkumi tajuk berkaitan penyakit, perawatan dan prosedur kejururawatan dalam gangguan sistem muskuloskeletal dan integumentari.

**TAHUN 2  
SEMESTER 5**

**BNS2166: Praktis Kejururawatan Klinikal 2**

**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini adalah kursus praktikum dimana pelajar akan menjalani praktikum di hospital selama 12 minggu di wad medikal dan surgikal. Praktikum ini membantu pelajar untuk mengaplikasikan pengetahuan dan prosedur perawatan kejururawatan asas dan pemberian ubatan. Keutamaan ditumpukan kepada pesakit berkaitan masalah sistem respiratori, kardiovaskular dan hemapoitik, gastrointestinal, endokrin dan hepatobiliari, genitourinari, muskuloskeletel dan integumentari.

**TAHUN 2  
SEMESTER 6**

**MPU2263: Asas Keusahawanan 1**

**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini bertujuan untuk memberi ilmu asas dan konsep keusahawanan kepada pelajar supaya dapat menimbulkan minat dan memupuk nilai untuk menceburi bidang keusahawanan sebagai salah satu pilihan kerjaya. Pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dalam bentuk perkongsian pengalaman keusahawanan, pembelajaran berasaskan kes, simulasi perniagaan dan pembentangan. Pada akhir kursus ini, pelajar diharapkan dapat membentuk minda keusahawanan dan mempamerkan kemahiran keusahawanan dalam aktiviti harian.

**BNS2113: Kejururawatan Obstetrik**

**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini merangkumi tajuk berkaitan penyakit,perawatan dan prosedur kejururawatan dalam gangguan fungsi sistem reproduktif.

**BNS2122: Kejururawatan Ginekologi**

**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini merangkumi perubahan fisiologi sistem reproduktif semasa kehamilan dan puerperium serta penjagaan klien semasa antenatal, labor dan puerperium .

**BNS2133: Kejururawatan Komuniti**

**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada perkembangan perkhidmatan dan perawatan kesihatan komuniti yang diperlukan untuk memberi perkhidmatan perawatan kepada klien di rumah, sekolah dan klinik kesihatan.

**BNS2143: Kejururawatan Pediatrik**

**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini merangkumi tajuk berkaitan penyakit, perawatan dan prosedur kejururawatan dalam pediatrik.

**BNS2152: Kejururawatan Mental Dan Psikiatri**

**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini merangkumi tajuk berkaitan dengan konsep kesihatan mental, isu etika dan legal, peranan jururawat, gangguan mental dan pengurusan perawatan bagi gangguan mental. Ia bertujuan untuk melengkapkan pelajar dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran perawatan berkaitan kesihatan mental dan gangguan mental.

**TAHUN 3  
SEMESTER 7**

**BNS3217: Praktis Kejururawatan Klinikal 3**

**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini adalah kursus praktikum dimana pelajar akan menjalani praktikum selama 14 minggu di hospital iaitu di wad medikal surgikal serta *special area* iaitu di wad obstetrik dan ginekologi, pediatrik, psikiatrik dan klinik kesihatan. Praktikum ini membantu pelajar untuk mengaplikasikan pengetahuan dan prosedur perawatan yang dipelajari berkaitan pesakit dengan masalah medikal surgikal, *special area* iaitu obstetrik dan ginekologi, pediatrik, psikiatrik dan kesihatan komuniti.

**TAHUN 3  
SEMESTER 8**

**MPU2412: Khidmat Masyarakat 1**  
**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini membincangkan konsep projek keterlibatan komuniti, penyediaan kertas cadangan dan ciri-ciri projek yang berkesan. Tujuan kursus ini ialah memberikan kefahaman dan penghayatan dalam melaksanakan projek ketelibatan komuniti. Pengajaran dan pembelajaran akan dilaksanakan dalam bentuk kuliah interaktif, diskusi kumpulan, pembelajaran berasaskan pengalaman melalui aktiviti kumpulan dan semangat sukarelawan. Pada akhir kursus ini, pelajar diharapkan dapat mengamalkan nilai dan etika, kepimpinan dan kerja berpasukan serta tanggungjawab sosial.

**BNS3173: Kejururawatan Neurologi dan Sensori**  
**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini merangkumi tajuk berkaitan penyakit, perawatan dan prosedur kejururawatan dalam gangguan sistem neurologi dan sensori. Kursus ini adalah bertujuan untuk melengkapkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran perawatan berkaitan gangguan sistem neurologi dan sensori

**BNS3182: Kejururawatan Kecemasan dan Kritikal**  
**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini merangkumi tajuk berkaitan penyakit dan prosedur kejururawatan berkaitan dengan perawatan kecemasan dan kritikal. Ia bertujuan untuk melengkapkan pelajar dengan pengetahuan berkaitan dengan perawatan kecemasan dan kritikal.

**BNS3192: Pengurusan Dalam Kejururawatan**  
**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini bertujuan untuk melengkapkan pelajar dengan pengurusan wad merangkumi perawatan pesakit, pengurusan sumber-sumber dan mempraktikkan rutin harian di wad.

**BNS3203: Jagaan Klien Dengan Keperluan Khas**  
**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini mendedahkan kepada pelajar tentang klien yang memerlukan jagaan khas daripada peringkat bayi sehingga warga emas termasuk golongan orang kurang upaya (OKU). Ia akan melengkapkan pelajar dengan ilmu pengetahuan dalam memberi perawatan, pengurusan serta promosi kesihatan klien berkeperluan khas dalam keluarga/hospital, *nursing home* dan komuniti.



**BBS3042: Sosiologi Dan Antropologi Kesihatan Dalam Kejururawatan**  
**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini merangkumi tajuk berkaitan konsep-konsep sosiologi dan antropologi kesihatan dan penyakit, sistem perkhidmatan kesihatan, pengkormesialan kesihatan, polisi, kerja sosial, stratifikasi sosial dan perspektif gender dalam kesihatan.

**BBS3052: Penyelidikan Dan Statistik Asas Dalam Kejururawatan**  
**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini untuk membolehkan pelajar memahami dan mengaplikasikan konsep-konsep asas penyelidikan, proses penyelidikan dan statistik . Pelajar juga akan menyediakan *research proposal* dan membentangkan projek tersebut. Ini akan memberi peluang pelajar menjalankan/mengambil bahagian dalam proses penyelidikan seterusnya menggunakan pengetahuan ini untuk pembelajaran ke peringkat lebih tinggi kelak

**TAHUN 3**  
**SEMESTER 9**

**BNS3227: Kejururawatan Klinikal 4**  
**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini adalah kursus praktikum dimana pelajar akan menjalani praktikum selama 14 minggu di hospital iaitu di wad medikal surgikal serta *special area* iaitu di unit kecemasan, dewan bedah, klinik atau wad mata, hidung, telinga & tekak serta unit neurologi. Praktikum ini membantu pelajar untuk mengaplikasikan pengetahuan dan prosedur perawatan yang dipelajari berkaitan pesakit dengan masalah medikal surgikal atau unit khas berkaitan. Pelajar juga akan didedahkan dengan tugas jururawat terlatih sebagai pengurus wad.

**PELUANG PENGAJIAN & KERJAYA**

**DIPLOMA KEJURURAWATAN**

